

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

YBhg Dato' Sri Haji Mohammad Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke-6, Tan Sri - Tan Sri, Dato' Sri – Dato' Sri, Datuk – Datuk, Datin - Datin, delegasi, tuan-tuan dan puan-puan, serta hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua hadirin yang telah meluangkan masa untuk menghadiri Majlis Makan Malam Amal pada hari ini. Seperti mana yang kami sedia maklum, tujuan kami berada di sini adalah untuk mengumpul dana dan menderma semua kutipan dana yang kami jana kepada pertubuhan rumah anak yatim dan persatuan orang kurang upaya yang turut hadir di sini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebagai sebuah institusi yang bukan berasaskan keuntungan, ISI berharap untuk mendapatkan bantuan daripada rakan – rakan dan organisasi perniagaan untuk menghulurkan bantuan untuk sama-sama kita menyempurnakan majlis makan malam amal ini. Untuk pengetahuan semua, ISI tidak menerima sebarang geran dari kerajaan tetapi bergantung sepenuhnya terhadap sokongan daripada penyumbang-penyumbang pihak swasta dan komuniti ahli perniagaan untuk menjayakan Majlis Makan Malam Amal ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Di samping itu, kami mendapati bahawa terdapat banyak pertubuhan rumah anak yatim dan persatuan orang kurang upaya di Malaysia. Rumah kebajikan ini dikendalikan oleh badan-badan amal itu sendiri. Disebabkan kegawatan ekonomi semasa, kebanyakan rumah kebajikan yang bergantung kepada sumbangan orang ramai mengalami situasi yang amat sukar, terutamanya dengan inflasi ekonomi yang memberi kesan yang besar akibat kenaikan harga barang-barang keperluan asas serta bebanan kehidupan yang tinggi.

Untuk maklumat para hadirin, saya yakin bahawa tetamu kehormat kita pada malam ini amat bersimpati kepada masyarakat umum di Malaysia, khususnya di Lembah Kinta. Apabila kami memaklumkan kepada Dato Sri Najib bahawa hasrat kami, beliau yang sentiasa prihatin kepada keperluan rakyat juga mengambil berat dengan keperluan warga NGO di Lembah Kinta. Selepas tinjauan dan kajian, kami mendapati badan-badan kebajikan di sini amat memerlukan pelbagai bantuan daripada semua pihak untuk menangi pelbagai IMPAK yang berpunca dari inflasi ekonomi. Oleh itu, ISI membuat keputusan untuk menganjurkan Majlis Makan Malam Amal, melalui menganjurkan aktiviti melelong cenderahati-cenderahati yang ditaja oleh Dato Sri Najib, dan secara langsung, hasil kutipan tersebut akan diagihkan kepada badan kebajikan yang kami jemput pada hari ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Terdapat banyak badan amal yang membantu untuk mewujudkan komuniti yang lebih berdikari dan stabil. Dengan berbuat demikian, bantuan yang disalurkan dapat mewujudkan asas yang kukuh, sama ada digunakan untuk program latihan, sekolah atau tujuan lain. Justeru, individu dan komuniti mungkin tidak perlu bergantung pada bantuan luar jika kestabilan dapat diutamakan. Justeru itu, kami percaya bahawa kutipan derma ini akan memberi manfaat kepada semua pihak.

Namun, kami juga berasa amat dukacita kerana terdapat ramai golongan muda yang mengalami kecacatan atau penyakit kronik. Tambahan pula, pesakit atau orang kurang upaya juga merupakan

antara yang memerlukan penjagaan dan perhatian. Siapa yang akan menjaga kebajikan mereka? Ramai yang dijaga di rumah atau fasiliti kejururawatan. Namun demikian, terdapat juga kebanyakan ramai dari kalangan sukarelawan yang menjaga individu tersebut.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya amat bersyukur dan berbesar hati untuk menyatakan bahawa hasil daripada lelongan malam ini akan disalurkan sepenuhnya kepada pertubuhan amal yang dijemput oleh kami dimana ia dapat membantu 16 pertubuhan dari Ipoh. Seiringan dengan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penaja kami atas segala usaha yang diberikan. Sementara itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua sukarelawan dari organisasi kerana menjadi wira dalam komuniti kami. Kami betul-betul berbangga terhadap semua yang memberi sokongan — sila berikan tepukan yang gemuruh kepada mereka!

Di sini, saya berharap semua tetamu yang hadir pada malam ini dapat terus menyumbang untuk menunjukkan sokongan anda, dan saya percaya bahawa kami semua akan berbisik di dalam sanubari masing-masing sambil berkata: Ini bukannya tentang kesalahan. Ini semua tentang betapa prihatinnya kami terhadap insan-insan yang memerlukan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya juga berharap sokongan kami dapat membina satu komuniti yang lebih kuat, membuat semua hati kami menjadi lebih kukuh dan lebih kerap menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Tiada siapa – siapa di sini yang jelas tentang masa depan masing-masing tetapi saya yakin Malaysia akan terus maju dan berkembang selagi kami terus berdiri bersama-sama sebagai rakyat yang bersatu padu.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Begitulah cara kami menyumbang kepada bangsa kita untuk mencapai kejayaan negara kita yang tercinta. Sebelum mengakhiri wacana ini, saya berharap para hadirin- hadirat dapat menjamu selera dan menikmati juadah makan malam yang terhidang ini.

Sekian, terima kasih.